

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OKTOBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 17
SURAT

Penurunan OPR, SARA lonjak ekonomi Malaysia suku ketiga

Bisnes

Sabtu,
18 Oktober 2025
bhbiz@nsip.com.my

+ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Penurunan OPR, SARA lonjak ekonomi Malaysia suku ketiga

Anggaran awal pertumbuhan 5.2 peratus disokong prestasi kukuh semua sektor utama

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bhb.com.my

Anggaran awal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang 5.2 peratus pada suku ketiga 2025, menunjukkan peningkatan daripada pertumbuhan 4.4 peratus Keutaraan Dalam Negara Kasar (KDKN) pada suku sebelumnya.

Ini meletakkan ekonomi Malaysia berada dalam landasan yang betul untuk mencapai unjuran rasmi bagi tahun 2025 antara 4.0 hingga 4.8 peratus yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), selepas turut merekodkan pertumbuhan 4.4 peratus pada suku pertama.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata momentum ekonomi Malaysia mengukuh pada suku ketiga 2025, disokong oleh prestasi kukuh dalam semua sektor utama.

Beliau berkata, permintaan domestik kukuh, pertumbuhan sektor perkhidmatan, terutamanya dalam aktiviti berkaitan pelancongan sepanjang cuti umum dan cuti sekolah.

Katanya, pelaburan modal yang berterusan dan peningkatan permintaan luaran turut mengukuhkan pembangunan ekonomi, walaupun berdepan ketidakpastian dasar perdagangan global.

Rangsang penggunaan domestik

Selain itu, pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus dan pengagihan bantuan tunai sekali bayar RM100 kepada rakyat Malaysia yang layak di bawah inisiatif Sumbangan Asas Rahmah (SARA), memainkan peranan penting dalam merangsang penggunaan domestik.

Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkaan Malaysia

Selain itu, jualan dalam sektor perdagangan borong dan runcit meningkat 5.0 peratus pada Julai dan 4.9 peratus pada Ogos.

Subsektor perdagangan borong mendahului pada Ogos dengan kenaikan 5.1 peratus, diikuti peningkatan 5.0 peratus dalam perdagangan runcit.

Prestasi perdagangan Malaysia tidak menentu dalam tempoh dua bulan terbahis. Eksport mencatatkan pertumbuhan kukuh pada Julai sebanyak 6.5 peratus, namun menyederhana kepada 1.7 peratus pada Ogos.

Sementara itu, import menyusut 5.9 peratus pada Ogos selepas peningkatan sederhana 0.6 peratus pada Julai.

Susulan itu, jumlah keseluruhan aktiviti perdagangan meningkat 3.6 peratus pada Julai sebelum menyusut 2.0 peratus pada Ogos.

Mohd Uzir berkata, semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif dengan persembagaan dan pengkuarian menunjukkan pemulihan, manakala sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai peneru utama pengembangan pada suku tahun berkenaan.

Katanya, sektor perkhidmatan bertumbuh 5.1 peratus pada suku tahun ketiga 2025, disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan, selain makanan dan minuman serta penginapan.

Sementara itu, sektor pembuatan menokok 4.0 peratus, terutamanya disokong oleh produk elektrik, elektronik dan optikal, serta minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan dan prosesan makanan," katanya.

Nilai eksport meningkat kepada RM138.68 bilion

Eksport Malaysia kekal kukuh untuk bulan ketiga berturut-turut dengan meningkat 12.2 peratus kepada RM138.68 bilion pada September 2025, menjadikannya nilai eksport kedua tertinggi dicatatkan tahun ini.

Import pula meningkat 7.3 peratus kepada RM118.82 bilion, menjadikan lebih dagangan sebanyak RM19.86 bilion, bulan ke-65 berturut-turut direkodkan sejak Mei 2020.

Menurut Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), perdagangan Malaysia terus menunjukkan prestasi kukuh pada September 2025 dengan berkembang 9.9 peratus kepada RM267.51 bilion, kembali meningkat berbanding penguncupan bulan sebelumnya, meskipun berdepan ketidakpastian perdagangan global.

Ja, berkata, pertumbuhan eksport pada September 2025 direkodkan merentasi semua sektor dengan pertumbuhan dalam sektor perkilangan dipacu oleh barangan elektrik dan elektronik (E&E) yang merekodkan nilai tertinggi setakat ini, dengan peningkatan hampir RM11 bilion.

Katanya, penyumbang utama lain termasuk jentera, kolektan dan peralatan serta barangan optik dan saintifik.

"Sementara itu, sektor galian pula pulih selepas 13 bulan mencatatkan penguncupan, didorong terutama kenaikan eksport bijih logam dan serpihan logam.

Bagi sektor pertanian pula, minyak sawi dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit mencatatkan peningkatan tertinggi," katanya dalam kenyataan.

Malaysia merekodkan peningkatan eksport ke rakan dagang utama, iaitu ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Taiwan dan Kesatuan Eropah (EU).

Eksport juga terus berkembang ke negara rakan dagang perjanjian perdagangan bebas (FTA), dengan peningkatan ketara dicatatkan ke Mexico, India, Australia, New Zealand, Turkiye, United Kingdom (UK), Pakistan dan Kanada.

Bagi tempoh Januari hingga September 2025, Malaysia merekodkan nilai kumulatif tertinggi bagi perdagangan, eksport dan import setakat ini.

Perdagangan meningkat 4.4 peratus kepada RM2.235 trilion dalam tempoh itu.

Eksport naik 4.8 peratus kepada RM1.170 trilion, manakala import bertambah 4.0 peratus kepada RM1.064 trilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM106.65 bilion.

Menjelang prospek perdagangan, MITI berkata, ketegangan perdagangan yang berterusan serta kemungkinan pelaksanaan tarif baharu dalam kalangan ekonomi utama kekal sebagai cabaran.

Ketidakpastian itu boleh mengakibatkan gangguan rantaian bekalan, peningkatan kos kepada pengeksport serta mewujudkan ketidakpastian dalam landskap perdagangan Malaysia, yang berpotensi menjejaskan kemampuan negara untuk mengekalkan pertumbuhan yang kukuh.

Justeru, katanya, pengeksport Malaysia digalakkan untuk terus pelbagai pasaran, memperkukuh daya tahan rantaian bekalan dan sentiasa peka terhadap perubahan dasar perdagangan.

